

Pelantikan lebih ramai wanita sandang jawatan penting

# Komitmen kerajaan perkasa wanita

Oleh MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 28 MAC

**P**ELANTIKAN ramai wanita dalam Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berjaya memberi petunjuk jelas komitmen yang dimainkan oleh kerajaan dalam memperkasakan golongan terbabit.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, kementerianya malah berjaya menjadi kementerian yang bersifat 'mesra wanita' selepas banyak jawatan penting disandang oleh golongan itu termasuk jawatan Timbalan Menteri dan Ketua Setiausaha.

Katanya, kini sebanyak 64 peratus golongan itu telah memenuhi KPT dan institusi pengajian tinggi (IPT) manakala 57.4 peratus pensyarah pula terdiri daripada golongan wanita.

"Jawatan Profesor Madya dan Profesor pula masing-masing diisi sebanyak 42.1 peratus serta 29 peratus golongan wanita. Kejayaan mereka bukan setakat itu sahaja kerana turut berjaya merangkul anugerah seperti Tokoh Pendidikan Tinggi Negara.

"Selain itu, sebanyak 707,888 pelajar dan ahli akademik di institusi pengajian tinggi di seluruh negara sepanjang tahun lalu terdiri daripada golongan wanita. Jadi ini menunjukkan wanita mampu ke hadapan dan berjaya seperti golongan lelaki," katanya.

Beliau berkata demikian dalam program #KITKeeping in Touch bertemakan #WomenInHigherEducation di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang dekat sini semalam.

Yang turut hadir ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Tan Sri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur dan Naib Canselor (UPM), Profesor Datin Dr. Aini Ideris.

Lebih 3,000 pelajar dan ahli



IDRIS JUSOH bersama mahasiswa dalam program #KITKeeping In Touch bertemakan #WomenInHigherEducation bersama Menteri Pendidikan Tinggi di Universiti Putra Malaysia, Serdang, kelmarin. -UTUSAN/ROSNI MASRI

akademik hadir dalam program yang diadakan kali ketiga itu sempena Hari Wanita Sedunia peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi.

Terdahulu Idris turut mengadakan dialog dan beramah mesra bersama pelajar dan pelbagai institusi dengan menjawab beberapa soalan penting berkaitan pendidikan tinggi.

Dalam pada itu, Idris berkata, jumlah kejayaan wanita dijangka terus menunjukkan peningkatan selepas kerajaan berusaha memberi peluang kepada golongan terbabit menerusi pelbagai pelaksanaan dan dasar sebelum ini.

Walau bagaimanapun katanya,

**Jumlah kejayaan wanita dijangka terus menunjukkan peningkatan selepas kerajaan berusaha memberi peluang kepada golongan terbabit menerusi pelbagai pelaksanaan dan dasar sebelum ini."**

**IDRIS JUSOH**  
Menteri Pendidikan Tinggi

kerajaan pada masa sama akan wberusaha mewujudkan keseimbangan jurang antara golongan wanita dan lelaki menerusi bi-

dang tertentu di politeknik dan kolej komuniti.

"Kita juga mahu wujudkan keseimbangan di semua IPT kerana

ia tidak boleh dilihat sebagai satu trend. Ini termasuklah dalam sektor pekerjaan.

"Walaupun kaum lelaki mendominasi sektor tersebut (pekerjaan), kita juga memberi peluang kepada kaum wanita dengan kewujudan Revolusi Industri 4.0 supaya mereka boleh bekerja dari rumah. Sebab itu kita wujudkan pelbagai program dan kepakaran kepada mereka," katanya.

Tambah Idris, graduan wanita yang berjaya menjana pendapatan sendiri juga turut meningkat sehingga 49.4 peratus pada tahun lalu hasil pelbagai program diwujudkan oleh kerajaan.

"Apa salahnya kita belajar dan

bekerja dalam masa yang sama. Walaupun belajar tapi mereka boleh mendapat sesuatu seperti kemahiran atau pengalaman. Sebab itulah kita sentiasa mengadakan perbincangan untuk pastikan graduan ke universiti tidak terbeban dengan hutang yang tinggi.

"Dahulu mereka pisahkan antara kedua-dua ini. Tetapi kini kita gunakan konsep mereka bentuk pendidikan tinggi (Re-designing Higher Education). Di samping itu, kita juga telah memperkenalkan Program Dua Universiti + Dua Industri (2u2i) di beberapa universiti awam (UA) demi matlamat tersebut," ujarnya.

## KEJAYAAN DAN PERANAN WANITA DALAM IPT

**707,888**

atau

**62%**

wanita di IPT

Manakala

**48.1%**

di Politeknik dan Kolej Komuniti sebanyak

**41.7%**

**49.4%**

wanita berjaya menjana pendapatan sendiri sepanjang tahun 2017

Kini terdapat

**57.4%**

pensyarah wanita di IPT seluruh negara

Jawatan

Prof. Madya **42.1%**

Prof. **29%**